

## HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI DENGAN PENCAPAIAN PEMAHAMAN BACAAN PELAJAR

Nur Izyani Farhah Hassan  
Maslawati Mohamad

### ABSTRAK

Pengembangan potensi individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial adalah merupakan matlamat pendidikan negara yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selaras dengan matlamat tersebut, disamping hanya melihat kepada darjah kecerdasan (IQ) seseorang, aspek kecerdasan emosi juga perlu diberikan perhatian yang mendalam. Dalam pembelajaran Bahasa Inggeris, kemahiran membaca yang merangkumi pemahaman bacaan merupakan salah satu kemahiran yang ditekankan. Prestasi pemahaman bacaan Bahasa Inggeris pelajar selalunya berbeza dan turut dipengaruhi oleh kecerdasan emosi guru dan pelajar. Emosi pula telah dianggap sebagai kebolehan manusia yang paling penting serta merupakan faktor yang utama dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Beberapa kajian lepas telah dijalankan dan membuktikan bahawa terdapatnya hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian pemahaman bacaan pelajar. Justeru, selaras dengan kajian-kajian lepas, artikel ini bertujuan untuk membincangkan hubungan kecerdasan emosi dengan pencapaian pemahaman bacaan Bahasa Inggeris pelajar. Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk tinjauan menggunakan instrumen borang soal selidik Inventori Kecerdasan Emosi Bar-On: Versi Ringkas Untuk Remaja (The Bar-On EQ-i: Youth Version Short) yang dihasilkan oleh Reuven Bar-On (2000) serta buku soalan ujian yang dibina berdasarkan silibus Bahasa Inggeris tingkatan satu yang didokumentasikan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Data kajian telah dianalisis secara inferensi menggunakan ujian korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian pemahaman bacaan pelajar. Kajian ini memberikan implikasi bahawa kecerdasan emosi tidak memberikan sebarang pengaruh terhadap pencapaian pemahaman bacaan pelajar secara langsung. Faktor sampel juga turut menjadi salah satu faktor dapatan menjadi tidak signifikan di mana sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar Maktab Rendah Sains Mara, iaitu pelajar-pelajar yang terpilih dari segi tahap kecerdasan mereka. Selain itu, jumlah sampel yang digunakan dalam kajian ini juga adalah dikira masih kecil untuk menjalankan ujian korelasi. Oleh itu, kajian lanjutan boleh dijalankan dalam usaha untuk mengenal pasti di mana letaknya pengaruh kecerdasan emosi terhadap pencapaian pemahaman bacaan pelajar. Tambahan lagi, kajian lanjutan juga boleh dijalankan menggunakan sampel yang lebih besar serta memilih setting kajian yang berbeza agar tidak berlaku homogen dalam sampel yang dipilih.

**Kata kunci:** Kecerdasan emosi, pemahaman bacaan, Bahasa Inggeris, MRSM, Pendidikan

### ABSTRACT

A balance development of individual potential in terms of physical, emotional, spiritual, intellect, and social is one of the educational goals included in the Philosophy of National Education. In accordance with the goal, instead of only taking an individual's intelligence quotient (IQ) into account, the emotional intelligence aspect should also be considered. In English language learning, reading skill that includes reading comprehension is one of the skills that is emphasised on. English language's students' reading comprehension performance normal differ and is influenced by the teachers and students' emotional intelligence. Meanwhile, emotion has been considered as human's most important ability and acts as one of the main factors in English language learning. Previous studies have been conducted and succeeded in proving that there is a correlation between emotional intelligence and students' reading comprehension achievement. Thus, this article serves as a purpose to discuss about the relationship between emotional intelligence and students' English language reading comprehension achievement. This study uses survey as the research design. This study uses The Bar-On EQ-i: YVS by Reuven Bar-On (2000) and a test booklet that was developed based on the English form one syllabus documented in Standard Curriculum for Secondary Schools (KSSM) as the instruments. The data is analysed by using Pearson's correlation test. The finding shows that there is no significant relationship between emotional intelligence and students' reading comprehension achievement. The implication of the study from the finding shows that emotional intelligence does not influence students' reading comprehension achievement directly. Sample choice is also one of the factors the findings showed insignificant correlation. The sample in the study consists of the students of MARA Junior Science College (MRSM); elite students that are known by their intelligence level. Besides that, the number of sample used in the study is still considered small to conduct a correlation test. Therefore, further research can be conducted to identify in what way does emotional intelligence influence students' reading comprehension achievement. In addition to that, further research may also be conducted with bigger sample size and different research setting so that homogeneity of sample does not happen.

**Keywords:** Emotional intelligence, reading comprehension, English language, MRSM, education

### PENGENALAN

Pada abad ke-21 ini, aspek pembangunan insan perlu ditekankan secara serius kerana pengembangan potensi individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial (JERIS) adalah merupakan matlamat pendidikan negara yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Salinah, 2008).

Oleh yang demikian, selaras dengan matlamat FPK, disamping hanya melihat kepada darjah kecerdasan seseorang pelajar, aspek kecerdasan emosi juga perlu diberikan perhatian yang mendalam dalam kalangan pelajar bagi melahirkan insan yang seimbang serta berkebolehan untuk mengawal dan memahami emosinya sendiri juga membimbing diri ke arah tingkah laku yang positif.

Menurut Goleman (1995), berbanding dengan darjah kecerdasan atau lebih dikenali sebagai IQ, kecerdasan emosi seseorang individu lebih menyumbang ke arah kejayaan. Kajian yang beliau telah jalankan membuktikan bahawa sumbangan emosi terhadap prestasi pelajaran adalah dua kali ganda daripada sumbangan IQ.

Setelah Gardner mengusulkan tentang kecerdasan pelbagai di dalam bukunya pada tahun 1983, pengkaji-pengkaji lain juga mula membuktikan bagaimana kecerdasan kreatif dan praktikal boleh menentukan kejayaan seseorang individu. Goleman (1995) turut menyatakan bahawa emosi manusia adalah lebih cepat dalam membuat tindakan berbanding minda yang rasional.

Dalam pendidikan di Malaysia, faktor intelek pelajar (IQ) sering diberi keutamaan berbanding faktor emosi (Salinah, 2008). Tetapi kini, bagi mencapai matlamat yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang ingin melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS), faktor emosi sudah mula dititikberatkan dalam pendidikan.

Pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mula mengimplementasikan kurikulum baru untuk pelajar tingkatan satu pada tahun semasa. Kurikulum tersebut digelar Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Pembelajaran yang diterapkan dalam KSSM adalah pembelajaran yang menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif di mana pelajar akan dapat mengembangkan diri dari segi sains dan teknologi, fizikal dan estetika, keterampilan diri, kerohanian, sikap dan nilai, keterampilan diri, komunikasi serta kemanusiaan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Elemen-elemen yang diterapkan dalam KSSM adalah selaras dengan perkara-perkara yang ditekankan dalam kecerdasan emosi seperti perkembangan kemahiran intelektual, pembinaan kemahiran menyelesaikan masalah dan pembinaan perhubungan yang bermakna antara individu dengan masyarakat yang merupakan sub-konstruk dalam elemen-elemen yang disebut.

Bagi pelajar di Malaysia, medium pengajaran adalah dalam Bahasa Melayu iaitu bahasa kebangsaan negara ini, manakala kebanyakan bahan rujukan adalah Bahasa Inggeris; bahasa kedua rasmi negara (Nooreiny, 1993). Oleh itu, dalam tugas akademik mereka, pelajar masih perlu berurusan dalam Bahasa Inggeris di mana proses membaca, memahami dan mensintesis maklumat daripada teks Bahasa Inggeris dijalankan untuk memindahkan maklumat tersebut ke dalam laporan atau projek mereka yang kemudiannya ditulis dalam Bahasa Melayu.

Salah satu kemahiran dalam pembelajaran Bahasa Inggeris adalah kemahiran membaca yang merangkumi pemahaman bacaan. Prestasi pemahaman bacaan pelajar Bahasa Inggeris selalunya berbeza dan diketahui bahawa sifat-sifat guru dan pelajar yang berbeza akan mempengaruhi pembelajaran pelajar bahasa (Nili, 2012). Seperti yang dinyatakan oleh Brown (2007), memahami perasaan manusia, memberikan respon, mempercayai dan nilai adalah antara aspek yang penting dalam pembelajaran bahasa. Salah satu cara di mana faktor emosi boleh diterapkan adalah melalui pemahaman bacaan dalam pembelajaran Bahasa Inggeris.

Namun, dalam dunia pengajaran Bahasa Inggeris, terutamanya di Malaysia, kecerdasan emosi masih belum cukup dikenali, digunakan serta dikaji secara meluas walaupun usaha yang meningkat untuk memperkenalkan istilah ini telahpun wujud berdekad lamanya (Sucaromana, 2012).

Justeru, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian pemahaman bacaan Bahasa Inggeris pelajar.

## **SOROTAN LITERATUR PEMAHAMAN BACAAN**

Pemahaman bacaan merujuk kepada kebolehan kognitif yang kompleks seseorang individu dan proses pembinaan makna berdasarkan penerangan maklumat baru serta kemampuan untuk mengintegrasikan pengetahuan sedia ada untuk mencipta pengetahuan baru (Lika, 2017; Yusufarina et al., 2013).

Durkin (1993) turut menyatakan bahawa pemahaman bacaan merupakan intipati bacaan dan keberkesanan pemahaman bacaan adalah berdasarkan daripada strategi yang digunakan dalam meningkatkan proses pembinaan makna (Yusufarina et al., 2013).

Secara umumnya, pembacaan melibatkan kebolehan memahami dan mengekod makna perkataan dalam teks (Bursuck & Damer, 2007) serta hanya boleh dicapai setelah seseorang individu menguasai kemahiran lisan. Westby (2005) turut menyokong perkara ini dengan menyatakan bahawa kanak-kanak akan menggunakan pengetahuan dari kemahiran lisan mereka untuk belajar membaca.

Bukan itu sahaja, Mahzan (2008) merumuskan pembacaan sebagai satu proses membina makna melalui interaksi teks dengan pengalaman serta pengetahuan sedia ada (skemata) pelajar.

Menurut Spiro (1984), Tang dan Moore (1992) serta Lika (2017), strategi yang berkesan adalah strategi yang menumpukan pada metakognitif yang melengkapi kemahiran kognitif serta aspek afektif.

Namun begitu, Lika (2017) menyatakan bahawa tidak terdapat peraturan yang ketat serta susunan strategi yang spesifik untuk pemahaman bacaan. Malahan lagi, strategi-strategi yang boleh digunakan berbeza mengikut keperluan serta tahap kefahaman pembaca.

### **KECERDASAN EMOSI**

Menurut Salovey dan Mayer (1990), kecerdasan emosi merupakan sebahagian daripada kecerdasan sosial yang melibatkan kebolehan seseorang individu untuk memahami perasaan dan emosi dirinya sendiri dan orang lain serta membezakan antara keduanya lalu menggunakan maklumat tersebut sebagai panduan kepada pemikiran dan perlakuannya.

Goleman (1998) pula mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai keupayaan seseorang individu untuk mengenal pasti perasaannya sendiri dan perasaan orang lain, memotivasikan diri sendiri, mengurus emosi dalam diri sendiri serta dalam perhubungan.

Kecerdasan emosi mula diperkenalkan oleh Salovey dan Mayer pada tahun 1990. Kecerdasan emosi merupakan kecerdasan yang bercabang daripada kecerdasan interpersonal dan kecerdasan intrapersonal dalam kecerdasan pelbagai yang diusul oleh Howard Gardner (1983). Selepas itu, Goleman (1995) pula mula mempopularkan istilah kecerdasan emosi dan turut menulis sebuah buku mengenai kecerdasan emosi.

Hari ini, terdapat dua perspektif terhadap kecerdasan emosi dan ia telah dikategorikan kepada dua model iaitu:

- i. model kebolehan serta
- ii. model campuran (Mayer, Caruso & Salovey, 1999).

Model kebolehan melihat kecerdasan emosi sebagai kebolehan mental yang berbentuk tulen. Sebaliknya pula, model campuran melihat kecerdasan emosi sebagai satu gabungan antara kebolehan mental dan ciri-ciri personaliti.

Sehingga hari ini, terdapat tiga model kecerdasan emosi yang utama iaitu:

- i. Model Kecerdasan Emosi Salovey-Mayer (model kecerdasan emosi kebolehan),
- ii. Model Kecerdasan Emosi Goleman (model kecerdasan emosi campuran) dan
- iii. Model Kecerdasan Emosi Reuven Bar-On (model kecerdasan emosi campuran) (Bar-On, 2000; Michael, 2006; Stys & Brown, 2004).

### **TEORI KOGNITIF**

Pengasas teori kognitif ialah Jean Piaget. Beliau telah menyangkal idea bahawa kecerdasan adalah merupakan sifat yang tetap dan sebaliknya menganggap pembangunan kognitif seseorang sebagai satu proses yang terjadi akibat daripada pematangan biologikal serta interaksi bersama persekitaran (McLeod, 2015).

Terdapat tiga komponen asas kepada teori kognitif Piaget ini iaitu:

- i. skema,
- ii. proses pengadaptasian yang membolehkan peralihan dari satu peringkat ke peringkat yang lain dan
- iii. peringkat-peringkat pembangunan kognitif.

Ahli-ahli teori kognitif percaya bahawa pembelajaran melibatkan pengintegrasian kejadian ke dalam satu sistem penyimpanan aktif yang digelar skema (Baron & Byrne, 1987). Tambahan kepada penyimpanan dalam ingatan jangka panjang, skema juga berperanan dalam menyesuaikan sesuatu maklumat kepada kerangka sedia ada seseorang untuk difahami. Selain itu, skema juga "mengisi ruang kosong" ketika memproses maklumat (Bell-Gredler, 1986).

Secara rumusnya, skema bertindak sebagai satu kerangka bayangan yang menghubungkan semua maklumat dan pengalaman seseorang serta menjadikan semua maklumat tersebut sebagai satu pengetahuan.

Proses pengadaptasian dalam teori kognitif pula melibatkan proses asimilasi, akomodasi dan pengimbangan. Asimilasi merujuk kepada penggunaan skema sedia ada untuk menghadapi perkara atau situasi baru. Akomodasi pula merujuk kepada penukaran skema sedia ada untuk menghadapi perkara atau situasi baru. Manakala proses pengimbangan pula merujuk kepada proses yang mengimbang kedua-dua proses asimilasi dan akomodasi.

Dalam teori kognitif ini, Piaget telah mengusulkan empat peringkat pembangunan kognitif iaitu:

- i. peringkat sensorimotor yang bermula dari lahir hingga 2 tahun,
- ii. peringkat pra-operasional yang bermula dari 2 tahun hingga 7 tahun,
- iii. peringkat operasional konkrit yang bermula dari 7 tahun hingga 11 tahun dan
- iv. peringkat operasional formal yang bermula dari 11 tahun dan ke atas (Sincero, 2011).

**MODEL KECERDASAN EMOSI**

Bar-On menyatakan bahawa kecerdasan emosi adalah sekumpulan kebolehan bukan kognitif dan memilih untuk menggelarnya kecerdasan sosial-emosi (Deepa & Krishnaveni, 2008). Model kecerdasan emosi Bar-On ini dicipta berdasarkan Emotional Quotient Inventory (EQ-i), iaitu satu pengukuran berbentuk laporan sendiri yang mengukur tingkah laku yang dianggap sebagai tingkah laku yang cerdas dari segi sosial dan emosi.

Dalam model kecerdasan emosi ini, Bar-On (2006) menggariskan lima komponen kecerdasan emosi iaitu:

- i. intrapersonal,
- ii. interpersonal,
- iii. penyesuaian,
- iv. pengurusan tekanan dan
- v. mood am (Stys & Brown 2004).

Dalam kelima-lima komponen ini pula, terdapat beberapa sub-komponen lain yang boleh dilihat dalam jadual di bawah.

**Jadual 1 komponen kecerdasan emosi Bar-On (2006).**

<b>Komponen</b>	<b>Sub-komponen</b>
Intrapersonal	Kesedaran sendiri Emosi kesedaran sendiri Ketegasan Berdikari Penghayatan sendiri
Interpersonal	Empati Tanggungjawab sosial Hubungan interpersonal
Penyesuaian	Pengujian realiti Fleksibiliti Penyelesaian masalah
Pengurusan tekanan	Toleransi tekanan Kawalan dorongan
Mood am	Optimisme Kegembiraan

Lebih daripada prestasi dan kejayaan itu sendiri, model kecerdasan emosi Bar-On ini berkait dengan potensi untuk mencapai prestasi dan kejayaan serta dianggap lebih berorientasikan proses daripada hasil. Bar-On turut menekankan bahawa kecerdasan emosi berkembang mengikut masa dan boleh dipertingkatkan melalui latihan, pengaturcaraan serta terapi (Bar-On 2006).

Model ini merupakan model utama yang mendasari kajian ini. Hal ini adalah kerana dalam kajian ini, borang soal selidik kecerdasan emosi yang digunakan sebagai instrumen merupakan dasar kepada penciptaan Model Kecerdasan Emosi Bar-On (2000) ini.

**HUBUNGAN KECERDASAN EMOSI DENGAN PENCAPAIAN PEMAHAMAN BACAAN PELAJAR**

Dalam kajian oleh Yusufarina et al. (2013) yang telah dijalankan ke atas pelajar berumur 14 tahun menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kecerdasan emosi dengan pemahaman bacaan pelajar.

Perkara ini turut disokong oleh kajian Genc, Kulusakli dan Aydin (2016) yang mengkaji tentang hubungan kecerdasan emosi dengan pembelajaran bahasa. Sampel kajian mereka adalah seramai 150 orang pelajar universiti berlainan kursus yang sedang mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Dapatan daripada kajian mereka turut memberikan hasil yang sama iaitu hubungan yang positif antara kecerdasan emosi dengan kefasihan pembelajaran bahasa asing.

Sebaliknya, kajian oleh Rahimi, Sadighi dan Fard (2011) berkenaan impak linguistik dan kecerdasan emosi terhadap prestasi pembacaan pelajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing dari Iran menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan pelajar yang mempunyai darjah kecerdasan emosi yang berbeza.

Berdasarkan dapatan kajian yang berbeza daripada kajian-kajian lepas, kajian ini dijalankan adalah di atas dasar bahawa apabila terdapat perbezaan hasil daripada kajian yang lebih kurang, penyokongan terhadap bukti-bukti yang sedia ada perlu diperkukuhkan lagi.

**METODOLOGI****REKA BENTUK KAJIAN**

Kajian ini adalah kajian yang berbentuk kuantitatif serta merupakan sebuah kajian tinjauan yang menggunakan satu set borang soal selidik kecerdasan emosi serta satu set ujian pemahaman bacaan Bahasa Inggeris.

### SAMPEL KAJIAN

Dalam kajian ini, sampel yang terlibat telah dipilih melalui kaedah persampelan mudah (*convenience sampling*). Persampelan mudah digunakan apabila ahli-ahli dalam populasi yang disasarkan memenuhi ciri-ciri kajian seperti aksesibiliti, jarak geografi, ketersediaan pada masa yang ditetapkan atau kesanggupan untuk melibatkan diri dimasukkan untuk tujuan kajian ini (Dornyei, 2007). Ia juga merujuk kepada subjek kajian dalam populaasi yang mudah diakses oleh pengkaji (Henry, 1990). Persampelan mudah adalah murah, mudah dan subjek kajian sudah sedia ada (Ilker, Sulaiman, & Rukayya Sunusi, 2016).

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah persampelan mudah kerana sampel yang dipilih untuk kajian ini merupakan sampel yang mampu diakses oleh pengkaji tanpa sebarang kekangan. Bukan itu saja, kaedah persampelan mudah mempermudah proses kajian pengkaji kerana ia merupakan kaedah persampelan yang paling murah dan ringkas. Pengkaji menghadapi kekangan dari segi kewangan serta masa jadi persampelan mudah merupakan kaedah alternatif yang paling sesuai buat pengkaji.

Untuk kajian ini, dua buah kelas daripada tingkatan satu tahun 2017 di MRSM Kota Kinabalu telah dipilih dan dijadikan sampel kajian. Keseluruhannya, seramai 54 orang pelajar dari kedua-dua buah kelas telah menjadi responden dalam kajian ini.

### INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik kecerdasan emosi serta satu set ujian pemahaman bacaan. Borang soal selidik yang digunakan adalah diambil sepenuhnya daripada Inventori Kecerdasan Emosi Bar-On: Versi Ringkas Untuk Remaja (The Bar-On EQ-i: YVS) (IKER Bar-On) yang dihasilkan oleh Reuven Bar-On (2000) dan buku soalan ujian pemahaman bacaan Bahasa Inggeris.

Instrumen Bar-On ini merangkumi empat domain utama seperti yang dijelaskan di bawah:

Intrapersonal atau kesedaran sendiri yang merujuk kepada kebolehan seseorang untuk memahami serta mengenali emosi dirinya sendiri, bersifat tegas dalam membuat sesuatu keputusan serta mengekspresikan perasaan, mampu berdikari dan berkebolehan untuk mengenali kebolehan serta potensi diri sendiri.

Interpersonal atau empati yang merangkumi tiga kebolehan yang berkaitan iaitu empati di mana seseorang berkebolehan untuk menyedari, memahami dan menghargai perasaan orang lain, tanggungjawab sosial yang merujuk kepada kebolehan seseorang untuk bekerjasama serta menyumbang kepada masyarakat.

Penyesuaian yang merujuk kepada tiga kebolehan iaitu pengujian realiti di mana seseorang berkebolehan untuk menghadapi realiti, kebolehan seseorang untuk mengubah dan mengadaptasikan perasaan dan emosinya mengikut keadaan sekeliling dan kebolehan seseorang untuk mengenal pasti dan memahami sesuatu masalah serta berkebolehan untuk menyelesaikannya secara berkesan.

Pengurusan tekanan yang merangkumi dua kebolehan iaitu toleransi tekanan dan kawalan dorongan. Secara rumusnya, pengurusan tekanan merujuk kepada kebolehan seseorang untuk menangani tekanan yang dihadapi secara positif.

Secara umumnya, ujian semula kebolehpercayaan (*test-retest reliabilities*) untuk skala-skala IKER Bar-On adalah sangat baik. Pekali yang bernilai antara 0.77 hingga 0.90 telah diperolehi melalui empat ujian kebolehpercayaan termasuk konsistensi dalaman menggunakan alfa Cronbach serta ujian semula kebolehpercayaan yang membuktikan bahawa skala-skala IKER Bar-On adalah boleh dipercayai untuk mengukur konstruk yang berkaitan (Bryant, 2007).

Manakala, ujian pemahaman bacaan yang digunakan bagi mendapatkan dapatan dalam kajian ini pula dibina berdasarkan silibus Bahasa Inggeris Tingkatan 1 yang didokumentasikan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Soalan-soalan dalam buku soalan ujian ini adalah berdasarkan novel grafik Bahasa Inggeris tingkatan satu yang bertajuk Fair's Fair yang ditulis oleh Narinder Dhami. Semua soalan yang dibina adalah diadaptasi daripada buku latihan dan buku rujukan novel grafik tersebut.

Buku soalan ujian ini mengandungi 30 soalan aneka pilihan jawapan yang merangkumi pelbagai soalan berkaitan dengan emosi dan perasaan watak-watak dalam novel tersebut. Bukan itu sahaja, terdapat juga soalan-soalan yang merangsang pelajar untuk berfikir serta menguji kecerdasan emosi mereka dari segi empat domain utama yang dibincangkan. Soalan ujian yang digunakan ini ditulis dalam Bahasa Inggeris bagi tujuan penyelarasan terhadap subjek yang terlibat dalam kajian ini iaitu subjek Bahasa Inggeris.

### KAEDAH ANALISIS DATA

Data daripada kedua-dua soal selidik serta ujian pemahaman bacaan Bahasa Inggeris telah dianalisis dengan mengambil kira min dan diuji menggunakan ujian korelasi Pearson. Interpretasi kekuatan hubungan yang digunakan adalah seperti yang digariskan oleh Cohen (1988) yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 di bawah menunjukkan nilai interpretasi kekuatan hubungan yang digunakan bagi menganalisis dapatan yang diperolehi daripada kajian ini. Menurut Cohen (1988), nilai korelasi yang berada dalam julat 0.10 hingga 0.29 adalah bersifat lemah. Seterusnya, nilai korelasi yang berada dalam julat 0.30 hingga 0.49 adalah bersifat sederhana. Akhir sekali, nilai korelasi yang berada dalam julat 0.50 hingga 1.00 adalah bersifat kuat.

**Jadual 2 interpretasi kekuatan hubungan (Cohen 1988).**

Nilai Korelasi (r)	Kekuatan
0.10 – 0.29	Lemah
0.30 – 0.49	Sederhana
0.50 – 1.00	Kuat

**KEPUTUSAN & PERBINCANGAN**

1. *Ho*: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian pemahaman bacaan Bahasa Inggeris pelajar.

Ujian korelasi Pearson telah dijalankan untuk mengkaji objektif kajian ini iaitu hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian pemahaman bacaan pelajar.

Berdasarkan Jadual 3 yang ditunjukkan di bawah, hipotesis nol adalah gagal ditolak. Hasil ujian korelasi Pearson menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian pemahaman bacaan pelajar ( $r = 0.138$ ,  $p > 0.05$ ).

**Jadual 3 hubungan kecerdasan emosi dengan pencapaian pemahaman bacaan pelajar.**

Hubungan	Pencapaian Pemahaman Bacaan	
	r	Sig.
Kecerdasan Emosi	0.138	0.320

Hasil analisis daripada kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian pemahaman bacaan pelajar. Ini menyiratkan bahawa kecerdasan emosi seseorang pelajar itu tiada pengaruh kepada pencapaian pemahaman bacaannya.

Dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Rahimi, Sadighi dan Fard (2011) berkenaan impak linguistik dan kecerdasan emosi terhadap prestasi pembacaan pelajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing dari Iran. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan pelajar yang mempunyai darjah kecerdasan emosi yang berbeza.

Akan tetapi, dapatan ini adalah bertentangan dengan kajian oleh Yusfarina et al. (2013) yang telah dijalankan ke atas pelajar berumur 14 tahun. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara kecerdasan emosi dengan pemahaman bacaan pelajar. Kajian oleh Genc, Kulusakli dan Aydin (2016) yang mengkaji tentang hubungan kecerdasan emosi dengan pembelajaran bahasa turut memberikan hasil yang sama iaitu hubungan yang positif antara kecerdasan emosi dengan kefasihan pembelajaran bahasa asing. Bukan itu sahaja, dapatan kajian ini adalah bercanggah dengan teori yang mendasari kajian ini iaitu Teori Kognitif.

Namun begitu, dapatan kajian ini menjadi tidak signifikan adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor yang pertama adalah berkaitan dengan sampel dalam kajian ini. Sampel dalam kajian ini merupakan pelajar dari MRSM Kota Kinabalu dan ini mempengaruhi dapatan kajian kerana pelajar-pelajar ini adalah terdiri daripada golongan pelajar yang sememangnya terpilih dan memiliki tahap kecerdasan yang tinggi.

Setiap individu memiliki tahap kecerdasan yang berbeza dan perbezaan inilah yang memainkan peranan penting dalam menentukan sama ada kecerdasan emosi mereka mampu mempengaruhi pencapaian pemahaman bacaan mereka. Sehubungan dengan itu, didapati bahawa pelajar-pelajar MRSM telahpun memiliki pencapaian pemahaman bacaan yang tinggi tanpa perlu bergantung kepada kecerdasan emosi mereka.

Tambahan kepada itu, dapatan kajian ini menjadi tidak signifikan adalah disebabkan oleh jumlah sampel yang kecil. Jumlah sampel dalam kajian ini adalah sebanyak 54 orang pelajar sahaja dan walaupun jumlah tersebut adalah melebihi 30 atau 50 orang, tetapi jumlah ini masih dikira kecil untuk menjalankan ujian korelasi.

**KESIMPULAN**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian pemahaman bacaan pelajar. Kajian-kajian yang dijalankan oleh Yusfarina et al. (2013) serta Genc, Kulusakli dan Aydin (2016) menunjukkan hubungan yang positif antara kecerdasan emosi dengan pemahaman bacaan pelajar serta kefasihan pembelajaran bahasa asing.

Akan tetapi, kajian yang dijalankan ini mendapati bahawa kecerdasan emosi dengan pencapaian pemahaman bacaan pelajar tidak memiliki sebarang hubungan. Dapatan ini adalah lebih selaras dengan dapatan daripada kajian yang dijalankan oleh Rahimi, Sadighi dan Fard (2011) berkenaan impak linguistik dan kecerdasan emosi terhadap prestasi pembacaan pelajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing dari Iran yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan pelajar yang mempunyai darjah kecerdasan emosi yang berbeza. Tambahan kepada itu, dapatan kajian ini turut bertentangan dengan Teori Kognitif yang merupakan teori dasar kepada kajian ini.

Namun begitu, ketiadaan hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian pemahaman bacaan pelajar adalah disebabkan oleh pemilihan sampel dalam kajian ini yang merangkumi pelajar-pelajar dari MRSM. Pelajar-pelajar ini adalah terdiri daripada golongan pelajar elit yang sememangnya terpilih dan memiliki tahap kecerdasan yang tinggi. Menurut kajian Abd Majid (1993) dan Siti Zaharah (1975), pelajar MRSM boleh dikategorikan sebagai pelajar pintar cerdas dalam bidang akademik. Pelajar yang dipilih telah mencapai 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk masuk ke Tingkatan Satu dan sekurang-kurangnya 6A, 2B dalam peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) untuk masuk ke Tingkatan Empat.

Disebabkan oleh faktor tersebut, bagi meningkatkan pencapaian pemahaman bacaan pelajar, guru-guru seharusnya membangunkan pembelajaran mengikut kesesuaian serta berasaskan model-model kecerdasan emosi yang telah wujud. Ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan pencapaian pemahaman bacaan mereka melalui satu medium yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan mereka.

Bukan itu sahaja, pendidik-pendidik di Malaysia juga seharusnya berkolaborasi sesama sendiri untuk membangunkan rancangan pengajaran yang mengintegrasikan kecerdasan emosi dalam pembelajaran. Ini bagi memastikan aspek emosi pelajar juga diberikan perhatian selain daripada darjah kecerdasan mereka.

Akhir sekali, pihak-pihak yang berkenaan wajar memberikan perhatian serta mempertimbangkan dan memberi penekanan terhadap cadangan yang telah diusulkan agar setiap sekolah di Malaysia memiliki strategi pembelajaran yang berkualiti serta pencapaian pelajar yang memberangsangkan agar kita mampu mencapai semua matlamat yang telah digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

## **IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Daripada hasil kajian ini, satu implikasi yang boleh diketengahkan ialah bahawa kajian ini telah memberikan penunjuk bahawa kecerdasan emosi tidak mempunyai pengaruh yang langsung terhadap pencapaian pemahaman bacaan pelajar. Hal ini mungkin menunjukkan bahawa pengaruh kecerdasan emosi adalah secara tidak langsung serta terdapat faktor lain yang mungkin mempengaruhi pencapaian pemahaman bacaan pelajar seperti ciri-ciri sampel pilihan dan jumlah sampel kajian.

Bukan itu sahaja, faktor seperti persekitaran dan cabaran juga memainkan peranan yang penting bagi kajian ini. Dalam kajian ini, pelajar-pelajar dari MRSM Kota Kinabalu merupakan sampel yang terlibat. Seperti yang kita sedia maklum, pemilihan termasuk pelajar-pelajar ke MRSM adalah berdasarkan daripada pencapaian akademik mereka. Ini bermaksud, pelajar-pelajar ini adalah daripada golongan yang terpilih dengan tahap kecerdasan yang tinggi. Ini membolehkan mereka untuk tidak bergantung kepada kecerdasan emosi mereka dalam pemahaman bacaan mereka. Cabaran yang wujud dalam situasi ini adalah apabila pelajar lebih menumpukan kepada darjah kecerdasan mereka lebih daripada kecerdasan emosi mereka untuk memahami sesuatu bacaan. Tambahan lagi, negara Malaysia merupakan satu negara yang memiliki pendidikan yang berorientasikan peperiksaan. Jadi, para pendidik selalunya akan menekankan aspek intelek pelajar mereka lebih daripada aspek emosi.

Berdasarkan kajian ini lagi, beberapa cadangan telah diusulkan untuk dipertimbangkan serta dilaksanakan oleh mana-mana pihak yang berkenaan dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian pemahaman bacaan pelajar.

Cadangan pertama adalah berkenaan jumlah sampel untuk kajian ini. Kajian ini hanya memiliki seramai 54 orang pelajar sebagai sampel. Sehubungan dengan itu, di masa hadapan, mana-mana pengkaji yang ingin melanjutkan kajian ini boleh memperbesarkan lagi jumlah sampel kajian supaya proses pengeneralisasian boleh dilakukan.

Tambahan lagi, kajian ini hanya mengkaji sebahagian daripada pelajar tingkatan satu di sebuah sekolah. Justeru, kajian lanjutan boleh dijalankan menggunakan sampel yang berlainan tingkatan atau umur serta memperluaskan kawasan kajian untuk melihat perbezaan dapatan yang dikumpul.

Seterusnya, kajian lanjutan boleh memperkuat lagi data dengan melaksanakan protokol temubual bersama sampel-sampel yang terlibat. Hal ini dapat memastikan data yang dikumpul adalah lebih tepat serta lebih menggambarkan tentang pencapaian pemahaman bacaan pelajar secara menyeluruh.

Akhir sekali, negara Malaysia seharusnya mengikut jejak langkah negara-negara Asia yang lain dalam pelaksanaan kurikulum ini. Sebagai contoh, Malaysia seharusnya mengikut cara negara Jepun yang menekankan konsep adab dan peribadi sebelum

konsep pembelajaran yang berorientasikan peperiksaan kepada pelajar mereka. Kurikulum di Malaysia seharusnya lebih menekankan aspek emosi pelajar, bukan hanya menumpukan pada aspek intelek mereka sahaja.

## RUJUKAN

- Abd Majid Mohd Isa. (1993). A critical study of various methods used to identify intellectually gifted Malay children. Tesis Doktor Falsafah, Institute of Education, The University of Hull.
- Bar-On, R. (2000). Emotional and social intelligence: Insights from the Emotional Quotient Inventory (EQ-i). Dlm. Bar-On, R. & Parker, J. D. A. (pnyt.): Handbook of Emotional Intelligence. San Francisco: Jossey-Bass.
- Bar-On, R. (2006). The Bar-On model of emotional social intelligence (ESI). *Psicothema* 18: 13-25.
- Baron, R. A. & Byrne, D. (1987). Social psychology: Understanding human interaction. 5th ed., Newton, MA: Allyn and Bacon.
- Bell-Gredler, M. E. (1986). Learning and instruction: Theory into practice. Macmillan Publishing Company.
- Brown, H. D. (2007). Principles of Language Learning and Teaching. 5th ed., New York: Pearson Education Inc.
- Bryant, H. C. (2007). The relationship between emotional intelligence and reading comprehension in high school students with learning disabilities. Disertasi, School of Education, Andrews University.
- Bursuck, W. D. & Damer, M. (2007). Reading instruction for students who are at risk or have disabilities. Boston: Pearson.
- Cohen, J. 1988. Statistical power analysis for the behavioral sciences. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Deepa, R. & Krishnaveni, R. (2008). Concepts and measures of emotional intelligence – A research perspective. *Journal of Contemporary Research in Management*. 69-84.
- Dornyei, Z. (2007). Research methods in applied linguistics. New York: Oxford University Press.
- Durkin, D. (1993). Teaching them to read. 6th ed., Boston: Allyn & Bacon.
- Gardner, H. (1983). Frames of mind: The theory of multiple intelligences. New York: Basic Books.
- Genc, G., Kulusakli, E., & Aydin, S. (2016). The relationship between emotional intelligence and productive language skills. *The Reading Matrix: An International Online Journal* 16(1): 91-105.
- Goleman, D. (1995). Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ for character, health and lifelong achievement. New York: Bantam Books.
- Goleman, D. (1998). Working with emotional intelligence. New York: Bantam Books.
- Henry, G. T. (1990). Practical sampling vol. 21. SAGE Publications.
- Ilker Etikan, Sulaiman Abu Bakar Musa, & Rukayya Sunusi Alkassim. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics* 5(1): 1-4.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Lika, M. (2017). Teaching reading comprehension strategies. *Academic Journal of Business, Administration, Law and Social Sciences* 3(1): 196-204.
- Mahzan Arshad. (2008). Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Strategi perancangan dan pelaksanaan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mayer, J. D, Caruso, D. R., & Salovey, P. (1999). Emotional intelligence meets traditional standards for an intelligence. *Intelligence* 27(4): 267-298.
- McLeod, S. (2015). Jean Piaget. <https://www.simplypsychology.org/piaget.html>.
- Michael, A. J. (2006). Kompetensi kecerdasan emosi untuk pelajar kursus persediaan program ijazah sarjana muda (PISMP). Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Nili, A. (2012). EQ and reading comprehension: A study of instructors' EQ, learners' EQ and learners' reading comprehension. Tesis Sarjana, School of Foreign Language, Sheikhbahaee University.
- Nooreiny Maarof. (1993). Assessing reading comprehension of Malaysian ESL university students: A comparison between an immediate written recall task and a multiple-choice task. LB1050.46. N66, Koleksi Asia Tenggara. Tesis Doktor Falsafah, Tallahassee: Florida State University.
- Rahimi, M., Sadighi, F., & Fard, Z. H. (2011). The impact of linguistic and emotional intelligence on the reading performance of iranian EFL learners. *The Journal of Teaching Language Skills* 3(1): 152-171.
- Salinah Pit. (2008). Kecerdasan emosi di kalangan pelajar. BF576.S25, Koleksi Asia Tenggara. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Salovey, P. & Mayer, J. D. (1990). Emotional intelligence. *Imagination, Cognition and Personality* 9(3): 185-211.
- Sincero, S. (2011). Cognitive learning theory: Using thinking to learn.
- Siti Zaharah Sulaiman (1975). MARA Junior Science College: Students selection and its implication for educational development in Malaya. Disertasi Doktor Falsafah, University of Cornell.
- Spiro, S. (1984). Metacomprehension. Urbana, IL: ERIC Clearington on Reading and Communication.
- Stys, Y. & Brown, S. L. (2004). A review of the emotional intelligence literature and implications for corrections.
- Sucaromana, U. (2012). Contribution to language teaching and learning: A review of emotional intelligence. *English Language Teaching* 5(9): 54-58.
- Tang, H. N. & Moore, D. W. (1992). Effect of cognitive and metacognitive prereading. *Educational Psychology* 12(3): 315-332.
- Westby, C. E. (2005). Assessing and remediating text comprehension problems. In Catts, H. W. & Kamhi, A. G. (pnyt.): Language and reading disabilities. Pearson Education: 299-360.



Yusfarina Mohd Yussof, Abdul Rasid Jamian, Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Samsilah Roslan. (2013). Students' reading comprehension performance with emotional literacy based strategy intervention. *International Journal of Education & Literacy Studies* 1(1): 82-88.

Nur Izyani Farhah Hassan  
*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*izyanie.farhah@gmail.com*

Maslawati Mohamad  
*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*